
**PEMAKAIAN KETERANGAN DOKUMEN ELEKTRONIK DALAM PEMBUKTIAN:
KAJIAN KES DI MAHKAMAH SYARIAH MALAYSIA**

***ADMISSIBILITY OF THE USE OF ELECTRONIC DOCUMENT EVIDENCE IN
SHARIAH COURTS***

ⁱNurul Izzati Kholdun, ⁱⁱNur Aina Zafirah Azmi, & ⁱⁱⁱIntan Shafinaz Mohammadi ^{iv,*}Suhaizad Saifuddin & ^vLukman Abdul Mutalib

^{i, ii, iii, v} Faculti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

^{iv} Faculti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: suhaizad@ukm.edu.my

ABSTRACT

Documentary evidence is one of the methods of proof practiced in both courts in Malaysia, Shariah Court and the Civil Court. Proof through documentary evidence is not limited to physical documents only, but has also expanded its scope to include electronic documents. To what extent the use of electronic document evidence in the courts in Malaysia is viewed in accordance with the provisions stipulated in the applicable laws. This writing aims to examine the use of electronic documents as a method of proof from the perspective of Islamic jurisprudence and legislation in Malaysia. Additionally, this writing will also examine the extent of the acceptance of the use of electronic document evidence by analyzing cases that have been decided in the Shariah Court. Next, this writing will also explain the process of collecting electronic document information along with suggestions for improvements. This writing is conducted through a literature review by referring to scholarly sources such as books, journals, articles, decided cases, and other sources. From this writing, it can generally be understood that the description of electronic documents is a new matter, which is in line with the principles of Islamic law and is accepted in the courts of Malaysia. In addition, the analysis of cases decided in the Shariah Court shows that electronic document evidence is accepted as a method of proof, but it still requires improvements in terms of provisions and its implementation. Hope this writing can provide an explanation regarding the use of electronic document evidence from various aspects and can demonstrate the extent to which the acceptance of electronic document evidence is in the Shariah Court.

Keywords: Electronic Document Description, Admissibility, Shariah Court, Analysis, Criminal and Civil Cases.

ABSTRAK

Keterangan dokumen merupakan salah satu kaedah pembuktian yang diamalkan di kedua-dua mahkamah di Malaysia iaitu mahkamah Syariah dan mahkamah Sivil. Pembuktian melalui keterangan dokumen tidak hanya terhad kepada keterangan dokumen berbentuk fizikal sahaja bahkan telah diperluaskan skopnya kepada keterangan dokumen berbentuk elektronik. Sejauhmana pemakaian keterangan dokumen elektronik di mahkamah di Malaysia dilihat pada peruntukan yang diperuntukkan dalam undang-undang yang berkuatkuasa. Penulisan ini bertujuan untuk mengkaji pemakaian dokumen elektronik sebagai kaedah pembuktian dari sudut feqah dan perundangan di Malaysia. Tambahan lagi, penulisan ini juga akan mengkaji sejauh mana kebolehterimaan pemakaian keterangan dokumen elektronik dengan menganalisis kes-kes yang telah diputuskan di mahkamah Syariah. Seterusnya, penulisan ini juga akan menjelaskan proses pengumpulan keterangan dokumen elektronik beserta cadangan penambahbaikan. Penulisan ini dijalankan melalui kajian perpustakaan dengan merujuk sumber-sumber ilmiah seperti buku, jurnal, artikel, kes-kes yang diputuskan dan lain-lain sumber. Daripada penulisan ini, secara amnya dapat diketahui bahawa keterangan dokumen elektronik ini adalah merupakan satu perkara baru yang mana pemakaiannya itu selari dengan prinsip syarak dan diterima pakai dalam mahkamah-mahkamah di Malaysia. Selain itu, hasil analisis kes-kes yang diputuskan di mahkamah Syariah menunjukkan bahawa keterangan dokumen elektronik diterima sebagai satu kaedah pembuktian namun masih memerlukan kepada penambahbaikan dari sudut peruntukan dan pengamalannya. Semoga penulisan ini dapat memberi penjelasan berhubung pemakaian keterangan dokumen elektronik daripada perbagai aspek serta dapat menunjukkan sejauh mana kebolehterimaan pemakaian keterangan dokumen elektronik di mahkamah syariah.

Kata kunci: *Keterangan Dokumen Elektronik, Kebolehterimaan, Mahkamah Syariah, Analisis, Kes Jenayah dan Mal.*

Pengenalan

Pada zaman ini, dokumen merupakan salah satu kaedah pembuktian terpenting sama ada di Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil. Walaupun telah menjangkau masa yang lama, dokumen kekal menjadi pilihan sebagai bahan bukti dalam pelbagai urusan. Seiring dengan peredaran zaman, perkembangan teknologi memberikan pengaruh besar dalam kehidupan manusia. Hal ini juga mempengaruhi skop dokumen yang menjadi lebih luas. Hal ini kerana, dokumen tidak lagi terbatas kepada bahan bercetak atau sesuatu yang tercatat semata-mata, bahkan dokumen elektronik seperti Sistem Televisyen Litar Tertutup (*Closed Circuit Television System (CCTV)*), rakaman foto, video elektronik, penggunaan disket, cakera padat dan internet juga termasuk dalam definisi dokumen (Wan Abul Fattah, 2016).

Kebolehterimaan dokumen elektronik sebagai bukti dokumentari telah diakui dalam prosiding Mahkamah Malaysia. Penggunaan dokumen elektronik menjadi lebih berleluasa dalam sistem maklumat dan komunikasi hari ini, dan ia juga digunakan dalam bidang perundangan seperti dalam audit, siasatan dan pendakwaan (Volonino, 2003). Tambahan pula, sebarang dokumen boleh digunakan sebagai satu bentuk bukti di mahkamah selagi kualitinya masih tepat dan kekal. Bukan itu sahaja, penggunaan dokumen elektronik sebagai bukti di mahkamah juga dibenarkan oleh Mahkamah Syariah, dan ia biasa digunakan di Mahkamah Sivil memandangkan standard pembuktian bagi keterangan tersebut adalah kurang ketat (Duryana & Zulafakar, 2014).

Walau bagaimanapun, timbul persoalan sama ada terdapat sebarang prosedur di Mahkamah Syariah dan apakah keperluan yang diperlukan untuk kebolehterimaan dokumen elektronik di Mahkamah Syariah. Pasti ada kaedah yang dapat membantu dalam meningkatkan kekuatan pembuktian semasa menggunakan elektronik sebagai satu keterangan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan ketulenan data elektronik. Ini kerana bukti elektronik yang dikemukakan, diakui, dan digunakan di mahkamah untuk memutuskan sama ada sesuatu pihak tidak bersalah atau bersalah mesti disahkan untuk memastikan keadilan kedua pihak terpelihara dengan melindungi yang tidak bersalah dan menghukum yang bersalah (Mursilalaili & Abd. Rani, 2020). Hasilnya, penulisan ini bertujuan untuk mencari

keperluan yang diperlukan untuk menerima dokumen elektronik sebagai bukti di Mahkamah Syariah yang boleh ditambah baik oleh pengamal undang-undang Syariah menangani keterangan dokumen elektronik sebagai bukti di bilik mahkamah.

Sorotan Literatur

Penerimaan Dokumen Elektronik Sebagai Keterangan Menurut Perspektif Islam

Secara umum, keterangan dokumen adalah apa-apa yang dikemukakan di mahkamah yang merupakan suatu dokumen dengan tujuan untuk dijadikan sebagai bukti terhadap suatu tuntutan atau dakwaan atau pembelaan. Keterangan dokumen dalam bentuk elektronik pula adalah bentuk keterangan dokumen yang menggunakan medium peranti elektronik dan ianya juga berfungsi sebagai bukti untuk dikemukakan di mahkamah (Mohdamad Azhan, 'Ahmad Azam & Abu Hassan, 2017).

Dokumen elektronik boleh dianggap sebagai salah satu kaedah pembuktian yang agak baharu berbanding dengan kaedah pembuktian yang lain. Definisi keterangan dokumen elektronik serta hukum penggunaannya tidak dijelaskan secara khusus dalam mana-mana kitab fikah (Wan Abdul Fattah, 2016). Namun, pensyariatan dokumen elektronik dapat diqiaskan kepada dalil pensyariatan dokumen secara manual. Pandangan ulama terhadap penerimaan dokumen, termasuk dokumen elektronik dibahagikan kepada dua pandangan. Jumhur ulama yang terdiri daripada Hanafi, Maliki dan sesetengah pengikut Syafii dan Hambali menolak penerimaan dokumen sebagai kaedah pembuktian. Penolakan jumhur terhadap dokumen sebagai kaedah pembuktian adalah berdasarkan hujah bahawa dokumen mudah terdedah kepada pemalsuan.

Menurut mazhab Maliki, sesetengah riwayat Ahmad dan ulama mutakhir pula, dokumen sebenarnya merupakan salah satu kaedah pembuktian yang dibenarkan syarak. Pandangan ini lebih tepat berdasarkan prinsip syariah menerangkan kepentingan merekodkan transaksi untuk mengelakkan dari berlaku sebarang permasalahan seperti firman Allah swt:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِذَا تَدَايْتُمْ بِدِيْنٍ اِلَىٰ اَجَلٍ مُّسَمًّى فَاَكْتُبُوْهُ

Maksudnya: Wahai orang yang beriman! Apabila kamu bermu`amalah tidak secara tunai untuk masa yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya. (Al-Baqarah: 282)

Berdasarkan ayat al Quran di atas, Allah memerintah hutang dicatatkan dalam dokumen tertentu sebagai bukti wujudnya perjanjian hutang. Perintah untuk mendokumentasikan hutang tersebut dianggap sebagai satu penerimaan keterangan berbentuk dokumen dalam Islam. Seterusnya, keterangan dokumen elektronik turut dapat dilihat dalam sabda Nabi Muhammad S.A.W sebagaimana berikut:

Tidak berhak seseorang Muslim yang memiliki sesuatu yang diwasiatkan dan ia masih mempunyai kesempatan hidup selama dua malam melainkan hendaklah ia mempunyai wasiat yang ditulis (Hadis Riwayat Muslim)

Seterusnya, Ibn Taimiyyah dan Ibn Qayyim pernah menyatakan “setiap apa-apa sahaja yang dapat menjelaskan dan menzahirkan kebenaran atau sesuatu hak atau kepentingan dinamakan sebagai keterangan”. Pengertian ini luas dan menyeluruh dan dokumen elektronik tergolong dalam definisi ini (Majmu' Al-Fatawa). Justeru, dokumen elektronik boleh dianggap sebagai sebahagian daripada kaedah pembuktian dan salah satu bentuk keterangan yang penting. Hal ini kerana dokumen elektronik dapat membantu mahkamah untuk mempertimbangkan sesuatu fakta dan keterangan seterusnya membantu mahkamah untuk membuat keputusan dengan telus dan adil (Wan Abdul Fattah, 2016).

Walaupun dalam undang-undang keterangan Islam kesaksian adalah bukti yang kuat, kaedah fiqh *al-Kitabah kalkhitab* yang bermaksud “dokumen sama dengan lafaz (dalam menzahirkan kehendak dan niat di hati)” meletakkan pembuktian dokumen pada tahap pembuktian yang sama seperti kesaksian lisan (Mohamad Azhan, Ahmad ‘Azam & Abu Hassan, 2017). Oleh itu, dokumen boleh dijadikan hujah dalam pembuktian dan secara tidak langsung mengiktiraf dokumen elektronik sebagai kaedah pembuktian dalam perundangan Islam (Wan Abdul Fattah, 2016).

Keterangan Dokumen Elektronik menurut undang-undang di Malaysia

Keterangan dengan dokumen elektronik lebih kuat dan konsisten berbanding dengan kesaksian kerana tidak berubah, meskipun masa berubah dan pemiliknya telah meninggal dunia. Sedangkan kesaksian ada kemungkinan untuk berubah apabila berubahnya masa seperti lupa atau saksi itu meninggal dunia (Wan Abdul Fattah, 2016). Berikut adalah kedudukan dokumen elektronik menurut undang-undang di Malaysia.

i. Undang-undang Keterangan Syariah

Maksud dokumen menurut seksyen 3 merangkumi sebarang bentuk perkara yang menerangkan atau menghuraikan sesuatu sama ada berbentuk abjad, angka atau tanda atau gabungan satu atau lebih bentuk yang dinyatakan yang boleh digunakan untuk merekodkan perkara tersebut. Begitu juga dalam bentuk ilustrasi, perkataan yang dicetak, litograf atau fotograf merupakan dokumen. Maka, dapat dirumuskan bahawa perkataan “menerangkan atau menghuraikan sesuatu” tidak terhad kepada proses manual, malahan dapat diinterpretasikan sebagai penerangan atau penghuraian yang berbentuk automatik, elektronik dan digital (Wan Abdul Fattah, 2016).

Terdapat dua peruntukan seksyen di dalam Enakmen Keterangan Syariah yang menggunakan perkataan komputer yang boleh ditafsirkan di bawah pendefinisian keterangan dokumen berbentuk elektronik iaitu;

- (i) Seksyen 3(c) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2003, perkataan elektronik dinyatakan secara umum ketika menerangkan maksud dokumen:

Misalan - “Hal yang dirakamkan, disimpan, diproses, didapatkan semula atau dikeluarkan oleh komputer ialah dokumen.”

Seksyen 3 juga menerangkan maksud komputer seperti berikut;

“komputer” ertinya apa-apa peranti bagi merekodkan, menyimpan, memproses, mendapatkan semula atau mengeluarkan apa-apa maklumat atau perkara lain, atau bagi melaksanakan mana-mana satu fungsi itu atau lebih, tidak kira dengan nama atau perihalan apa pun peranti itu disebut; dan jika dua komputer atau lebih menjalankan mana-mana satu fungsi itu atau lebih dalam satu kombinasi atau secara berturut-turut atau walau bagaimana jua pun selainnya disatukan, komputer-komputer itu hendaklah dikira sebagai komputer tunggal;

- (ii) Seksyen 49 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2003 pula menyatakan:

Huraian 3 - “Suatu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer ialah keterangan primer.”

Seksyen 49 ini menunjukkan bahawa mahkamah syariah telah menerima dokumen elektronik sebagai salah satu daripada kaedah pembuktian. Di mahkamah syariah, keterangan dokumen elektronik dikemukakan dalam kes-kes mal bertujuan untuk menyokong tuntutan dalam kes perceraian, pengesahan nikah dan kes-kes berkaitan nafkah. Ianya turut dikemukakan dalam kes-kes jenayah

syariah dengan tujuan untuk mengukuhkan dakwaan terhadap tertuduh sepertimana dilihat dalam kes kesalahan persetubuhan haram dan kesalahan khalwat (Azhan, 'Azam & Abu Hassan, 2017).

Keterangan dokumen hendaklah dibuktikan kesahihan dan ketulenannya dengan mengemukakan dokumen yang asal. Seksyen 56 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 menghendaki seorang pembuat dokumen dipanggil dan dikemukakan ke mahkamah untuk memberi pendapat berkaitan isu kesahihan dan ketulenan keterangan dokumen. Sekiranya pembuat dokumen menafikan, maka tulisan dan penyempurnaan dokumen perlu dibuktikan oleh 2 orang saksi yang menyaksikan penyempurnaan dokumen tersebut atau dua orang saksi yang boleh mengenal pasti tulisan dan tandatangan orang yang menyempurnakan dokumen tersebut. Sekiranya saksi-saksi gagal, maka kesahihan dan ketulenan dokumen perlu dibuktikan melalui pendapat pakar. Untuk itu, dalam situasi ini, ia menjadi pertikaian atau permasalahan yang berada di luar bidang pengetahuan seorang hakim, maka pendapat pakar (*ra'yu al-khabir*) boleh digunakan untuk memudahkan serta membantu hakim menentukan kesahihan dokumen tersebut sebelum menerimanya sebagai keterangan yang boleh dijadikan sebagai asas untuk membuat penghakiman kes (Mohamad Azhan, Ahmad Azam, Azizah & Fatimah, 2020).

ii. Undang-Undang Keterangan Sivil

Konsep dokumen dalam seksyen 3 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2003 dan Enakmen negeri-negeri lain sebenarnya telah diambil dari seksyen sama dari Akta Keterangan 1950 yang telah lama dipraktikkan di Mahkamah Sivil (Wan Abdul Fatah, Syahirah, Hasnizam & Ahmad Syukran, 2018).

Seksyen 90A, 90B, 90C dan 114A Akta Keterangan 1950 merupakan asas dan panduan kepada kebolehteriman keterangan elektronik di Malaysia. Seksyen 90A memperuntukkan dalam mana-mana prosiding jenayah atau sivil sesuatu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer, atau sesuatu pernyataan yang terkandung dalam dokumen itu, hendaklah boleh diterima sebagai keterangan mengenai apa-apa fakta yang dinyatakan dalamnya jika dokumen itu telah dikeluarkan oleh komputer itu dalam perjalanan penggunaannya yang biasa, sama ada atau tidak orang yang mengemukakan dokumen itu ialah pembuat dokumen atau pernyataan itu. Dokumen tersebut perlu dibuktikan dengan melampirkan sijil yang telah ditandatangani oleh individu yang bertanggungjawab menghasilkan dokumen tersebut. Sijil tersebut kemudian akan menjadi keterangan *prima facie* mengesahkan segala kandungan di dalam dokumen tersebut dan bahawa ianya dihasilkan oleh komputer dalam keadaan baik.

Seterusnya, seksyen 90B memfokuskan kepada nilai (*weight*) yang boleh diberikan kepada sesuatu dokumen atau pernyataan di dalam sesuatu dokumen yang diterima menurut kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 90A. Mahkamah boleh membuat anggapan berdasarkan keadaan dokumen atau pernyataan sesuatu dokumen melalui cara dan tujuan penyediaannya, jarak masa antara kejadian atau kewujudan fakta yang dinyatakan serta pembekalan maklumat termasuk niat sebenar orang yang membekalkan atau yang mempunyai milikan bagi dokumen tersebut. Seksyen 90C menyatakan dengan jelas bahawa kebolehterimaan dokumen yang dikeluarkan atau disediakan melalui komputer seperti yang diperuntukkan oleh seksyen 90A Akta Keterangan 1950 mengatasi peruntukan lain Akta ini (Ramalingam, Nur Insyrah & Anita, 2022).

Seksyen 114 pula merupakan pindaan terhadap Akta Keterangan 1950 yang telah digazet dan dikuatkuasakan bermula 31 Julai 2012 berkenaan anggapan statutori boleh dibuat oleh mahkamah mengenai sesuatu penerbitan. Di bawah subseksyen 114A(1), sekiranya A membuka sesuatu akaun media sosial misalnya Facebook dengan menggunakan nama seseorang yang lain yakni B, dan kemudian menerbitkan kandungan penerbitan yang menghina, maka B akan dianggap sebagai orang yang menerbitkan kenyataan penghinaan tersebut (Ramalingam, Nur Insyrah & Anita, 2022). Di bawah

seksyen 114(2), penggunaan dan kesannya adalah luas kerana sekiranya seseorang menerbitkan sesuatu kandungan yang berunsur penghinaan daripada akaunnya yang berdaftar dengan sesuatu penyedia servis (*service provider*), individu tersebut akan dianggap sebagai penerbit kandungan tersebut sehinggalah dia berjaya membuktikan sebaliknya. Keadaan ini boleh berlaku kepada manamana individu yang mendaftarkan penggunaan internet dan wifi termasuk pemilik premis-premis perniagaan dan makanan yang menyediakan perkhidmatan wifi kepada pelanggannya. Seksyen 114(3) pula menyatakan bahawa sesiapa sahaja yang mempunyai milikan dan kawalan terhadap sesuatu komputer yang menerbitkan penerbitan berbentuk penghinaan akan dianggap telah menerbitkan kandungan tersebut dan boleh bertanggungjawab kepada kesalahan sehinggalah dibuktikan sebaliknya (Ramalingam, Nur Insyrah & Anita, 2022).

Perbincangan dan Dapatan

Analisis Kes

Untuk analisis berkaitan kerelevanan dan kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik, penulisan meneliti perbincangan di bab sebelumnya. Menurut prinsip syariah berkaitan keterangan, dokumen juga dianggap sebagai keterangan qarinah. Keterangan sebegini dikemukakan bertujuan untuk menguatkan keterangan-keterangan lain yang dikemukakan di mahkamah (Mohd Azhan, 2021). Keterangan dokumen elektronik ini boleh diterima di mahkamah setelah ia disokong dengan keterangan saksi-saksi lain seperti keterangan dari saksi pembuat dokumen atau keterangan saksi pakar. Keterangan saksi ini diperlukan untuk menilai tahap kesahihan dan ketulenan keterangan dokumen elektronik tersebut (Mohd Azhan, 2020).

Kes-kes yang dibincangkan di bawah menganalisis kebolehterimaan dokumen elektronik di Mahkamah Syariah sebagai keterangan sama ada bagi kes-kes jenayah dan kes mal:-

(a) *Pendakwa Syarie Negeri Selangor v. Khalid Bin Abdul Samad* / [2019] 3 ShLR 39 / Mahkamah Rendah Syariah (Selangor)

Tertuduh telah dituduh melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 119(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang mana Tertuduh telah memberikan satu ceramah tanpa tauliah di surau Taman Seri Sementa dari jam 10 hingga 11:30 malam. SP1 dan SP2 bersama dengan dua anggota penguatkuasa agama mendengar ceramah yang diberikan oleh tertuduh yang dirakamkan oleh SP2 menggunakan satu kamera rakaman video. Semasa kejadian berlangsung, tiada sebarang tangkapan atau tegahan dilakukan terhadap Tertuduh. Menurut SP3, tertuduh telah membuat permohonan untuk mendapatkan tauliah mengajar/berceramah pada Mei 2011, namun permohonan tertuduh telah ditolak.

Untuk menentukan kesalahan yang telah dipertuduhkan ke atas Tertuduh, dua elemen mestilah dibuktikan oleh pendakwa iaitu: - 1) elemen tertuduh mengajar perkara-perkara tentang agama Islam; dan 2) elemen tertuduh mengajar tanpa tauliah.

Untuk membuktikan elemen pertama, penghujahan mengenai rakaman video telah dibawa oleh Pendakwa. Antara dokumen elektronik yang ditandakan oleh Pendakwa dalam mahkamah adalah seperti berikut:-

- (i) kamera perakam video ‘handycam-sony-model no HDR-XR150E’ sebagai ekshibit P2;
- (ii) tulisan taip rakaman video oleh SP2 sebagai ekshibit P3;
- (iii) kandungan rakaman video sebagai ekshibit P5/ID5.

Peguam Syarie Tertuduh walaubagaimanapun menyangkal dakwaan dan menghujahkan bahawa rakaman video yang ditandakan sebagai ID5 tersebut tidak disertakan bersama laporan forensik daripada *Digital Forensics Department Cyber Security Malaysia*, selain rakaman tersebut terlalu kabur, gelap dan hanya merakam gambar hadirin dari belakang yang menyukarkan pengecaman. Maka, rakaman video tersebut tidak boleh diterima sebagai bahan keterangan pendakwa.

Mahkamah telah menolak bantahan daripada pihak Tertuduh dan menerima masuk rakaman video tersebut sebagai keterangan dengan alasan bahawa rakaman tersebut telah disahkan oleh pembuat rakaman iaitu SP2, dan SP2 juga telah bersumpah (*under oath*) mengesahkan bahawa kamera dan rakaman percakapan yang digunakan berfungsi dengan baik dan di bawah seliaannya. Selain itu, SP4 juga mengesahkan bahawa rakaman tersebut adalah dibuat oleh SP2 pada tarikh dan masa kejadian di Surau tersebut.

Mahkamah juga telah merujuk dapatan Hakim Hanipah Farikullah di dalam kes *Positive Well Marketing Sdn Bhd v Oka Concrete Industries Sdn Bhd* [2014] 10 MLJ 385 yang menyatakan:

In today's modern society where digital technology is vastly used, it is almost impossible to suggest that memory cards must be provided in court in all circumstances as primary evidence. Digital photographs in general should be admitted as evidence provided that the maker of the photographs is able to attend court to confirm their authenticity under oath. Similarly in Re Stephens LR 9 CP 187, the court held that: Photographs of non-removable records were received, but the accuracy of a photographic copy, particularly of external objects, must be established on oath, to the satisfaction of the judge, either by the photographer or someone who can speak to its correctness.

Dalam kes ini, mahkamah berpuas hati bahawa tiada apa-apa sebab untuk mahkamah ini tidak menerima rakaman video yang ditandakan sebagai P5 tersebut sebagai bahan bukti pendakwa dalam kes ini.

(b) *SM Faisal SM Nasimuddin lwn Maria Chin Abdullah* | [2023] 7 MLJ 485 Mahkamah Tinggi Syariah (Kuala Lumpur)

Pemohon pertama yang merupakan bekas suami Emilia Hanafi telah memfailkan permohonan untuk mengeluarkan Notis Menunjukkan Sebab (“NMS”) terhadap Responden berdasarkan Seksyen 229 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998. Pemohon menyatakan Responden pada 5 September 2019, dengan niat *mala fide* telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang menghina Mahkamah Syariah. Responden telah menerbitkan (*publish*) kenyataan-kenyataan yang menghina Mahkamah Syariah tersebut di dalam artikel bertajuk ‘05 Sep Injustice Against Muslim Women Still Exist In Legal System’ pada 5 September 2019 melalui laman sesawang Responden vide (Maria Chin Abdullah, 2019). Artikel tersebut diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia seperti berikut:-

5 September — Ketidakadilan Terhadap Wanita-wanita Muslim Masih Lagi Wujud Di Dalam Sistem Perundangan Ianya sangat mengecewakan apabila Mahkamah Syariah Kuala Lumpur memutuskan untuk menjatuhkan hukuman tujuh hari penjara ke atas Emilia Hanafi kerana menghina mahkamah atas penukaran jadual lawatan anak-anaknya bersama bekas suami, Pengerusi Eksekutif Naza World Group, Datuk Wira SM Faisal SM Nasimuddin. Keputusan ini merupakan satu ketidakadilan yang serius dan memalukan sistem kehakiman...

Responden, dalam afidavit jawapannya menyatakan bahawa kenyataan artikel tersebut telah disalahertikan oleh pemohon kerana ianya bukan bertujuan untuk menghina atau merendah-rendahkan mahkamah yang mulia ini, sebaliknya adalah satu kenyataan yang membina bagi membangkitkan kesedaran dan penambahbaikan sistem perundangan Syariah.

Bagi mengesahkan sama ada Responden telah menghina mahkamah, mahkamah telah menerima dokumen elektronik berbentuk artikel yang disiarkan di laman sesawang (*published article*) dan meneliti artikel tersebut untuk menentukan sama ada Responden memenuhi elemen-elemen penghinaan mahkamah. Penelitian tersebut dilakukan dengan cara mahkamah telah menentukan individu yang telah membuat kenyataan tersebut. Dalam kes ini, kenyataan itu adalah dibuat oleh Responden sendiri iaitu Maria Chin Abdullah. Kedua, mahkamah meneliti isi kandungan kenyataan tersebut sama ada ianya bersifat penghinaan dan skandal hingga menjejaskan kepercayaan awam, yang mana mahkamah mendapati elemen kedua juga telah pun dibuktikan.

Justeru, mahkamah mendapati Pemohon telah membuktikan bahawa tindakan Responden itu adalah suatu penghinaan mahkamah melalui keterangan dokumen yang dikemukakan dan diterima sebagai bukti berdasarkan suatu dokumen yang dikeluarkan melalui komputer adalah keterangan primer.

(c) *Hisham Halim Lwn. Maya Ahmad Fuaad / [2018] SHRU 15 Mahkamah Rendah Syariah, Kuala Lumpur*

Kes ini merupakan kes tuntutan sabitan nusyuz yang telah difailkan oleh Plaintiff. Plaintiff memfailkan tuntutan sabitan nusyuz memandangkan Defendan dikatakan telah meninggalkan rumah perkahwinan dan enggan pulang sehingga tarikh kes difailkan.

Defendan telah mengemukakan keterangan berbentuk dokumentar iaitu rakaman audio yang telah dirakam menggunakan telefon bimbit Defendan mengenai perbalahan antara Plaintiff dan Defendan pada 18 Februari 2017. Rakaman perbalahan lisan ini telah turut dibuat secara bertulis. Rakaman suara dan skrip perbalahan secara bertulis tersebut telah ditender ke dalam mahkamah ini dan telah diterima dan ditanda sebagai IDD1 dan D2. Mahkamah mengambil pertimbangan dari sudut penggunaan IDD1 dan D2 sama ada bukti-bukti tersebut berupaya membuktikan fakta persoalan iaitu Plaintiff telah menghalau Defendan keluar dari rumah atau hanya berupaya membuktikan fakta qarinah wujudnya perbuatan itu.

Ketulen dokumen IDD1 telah disahkan saksi Defendan pertama (SD1) yang merupakan Juru Analisis Forensik Digital daripada *Cyber Security Malaysia*. Satu laporan forensik digital bertarikh 9 Mac 2018 telah dianalisis oleh SD1 dan telah disahkan oleh Ketua Jabatan Forensik Digital pada 12 Mac 2018, dikemukakan kepada mahkamah. Mahkamah menerima masuk laporan ini dan menanda sebagai D23. Status SD1 yang berkepakaran dalam bidang forensik digital menguatkan mahkamah untuk menerima keterangan tersebut sebagai satu pandangan berstatus pandangan pakar, seiring dengan Seksyen 33 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997.

Manakala bagi dokumen D2 iaitu teks percakapan perbalahan antara Plaintiff dan Defendan pada 18 Februari 2017 yang telah dijadikan transkrip serta diterjemahkan daripada Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu serta telah disahkan oleh pihak Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM). Dokumen D2 ini telah diterjemahkan oleh saksi Defendan yang kedua (SD2) yang menjawat jawatan sebagai Penterjemah/Editor Kanan, Bahagian Terjemahan Dokumen, ITBM, serta diperaku sah oleh Ketua Jabatan Terjemahan dan Latihan ITBM. Mahkamah berpendapat bahawa dokumen D2 ini boleh diterima dan kandungannya wajar diperhalusi.

Selain itu, Plaintiff juga mengemukakan bukti dokumen berupa salinan rakaman video dan sesalinan gambar hasil '*screenshot*' video di Jungle Gym bertarikh 19 Februari 2017 bagi membuktikan hubungan Plaintiff dan Defendan adalah mesra. Mahkamah juga menerima dokumen tersebut dan menandakan sebagai P13 dan P16K sebagai pertimbangan memandangkan mahkamah berpendapat ruang penjelasan juga perlu diberi kepada Plaintiff setelah mahkamah menerima bukti rakaman suara daripada Defendan.

Plaintif turut mengemukakan bukti video rakaman CCTV bertarikh 20 Februari 2017 yang ditayangkan di Mahkamah mengenai pergerakan Defendan meninggalkan rumah perkahwinan tersebut bersama dua orang anak mereka. Turut dikenalpasti adalah ahli keluarga Defendan yang membantu Defendan meninggalkan rumah bersama barang-barang berharga. Mahkamah menerima rakaman video CCTV tersebut dan menandakan sebagai P14. Bagi mengesahkan bukti ini, Mahkamah turut merujuk kepada keterangan saksi Plaintiff Ketiga (SP3), warga Nepal yang berkhidmat sebagai pengawal keselamatan apartment dan mengesahkan bahawa pada hari kejadian, beliau telah membenarkan pihak-pihak yang melawat rumah perkahwinan tersebut masuk dan memperakui beliau telah melihat barang-barang dibawa turun dari rumah perkahwinan.

Berdasarkan analisis kes-kes di atas, sungguhpun pemakaian dokumen elektronik tidak disebut di dalam al-Quran dan hadis tetapi ia boleh diterima pakai dalam Islam sebagai satu kaedah pembuktian selagi mana tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip syarak (Mohd Azhan, 2021). Memandangkan pada zaman kini, dokumen elektronik seperti rakaman video, penulisan Internet, rakaman CCTV, gambar tangkap layar (*screenshot*) digunakan secara meluas, kebolehpakaian dokumen-dokumen ini adalah wajar dan relevan sekiranya berkait dengan fakta kes.

Proses Pengumpulan Keterangan Dokumen Elektronik dan Cadangan Penambahbaikan

Proses pengumpulan dokumen keterangan amat berkait rapat dengan rantaian keterangan. Rantaian keterangan merupakan pembuktian dalam pengendalian suatu barang kes atau ekshibit yang dikemukakan di mahkamah bermula dari ia diperolehi sehingga barang kes dikemukakan. Bagi kes Jenayah Syariah, Pendakwa Syarie yang ingin mendakwa seseorang tertuduh dalam melakukan kesalahan jenayah haruslah mengemukakan keterangan dan bukti yang mencukupi bagi memastikan Pendakwa berjaya dalam membuktikan kes di peringkat mahkamah. Keterangan yang ingin dibuktikan termasuklah keterangan fizikal atau elektronik yang memerlukan kepada pembuktian yang kukuh. Pihak Pendakwa haruslah membuktikan bahawa rantaian jagaan dan rantaian keterangan yang dikemukakan tersebut kukuh, kesinambungan dan tidak terputus (Ahmad Azam, 2002).

Pembuktian atau keterangan yang dikemukakan dalam bentuk fizikal mungkin mudah untuk dibuktikan di peringkat mahkamah. Namun begitu, perkara ini berbeza dengan keterangan dokumen elektronik untuk dijadikan sebagai bahan bukti. Hal ini kerana keterangan dokumen elektronik yang dikemukakan lebih mudah untuk terdedah kepada pemalsuan. Individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang IT mungkin lebih mudah dalam membuat pemalsuan termasuk dokumen elektronik yang mana penggunaannya begitu luas pada zaman kini. Oleh hal yang demikian, penjagaan rantaian keterangan bagi keterangan dokumen elektronik haruslah berbeza berbanding daripada barang kes yang lain memandangkan ketiadaan peruntukan undang-undang yang khusus terhadap penjagaan keterangan dokumen elektronik.

Perkara ini secara tidak langsung menjadi salah satu kekurangan dan kelemahan dalam perundangan syariah dalam mengaplikasikan keterangan dokumen elektronik dalam membantu hakim menyelesaikan kes di Mahkamah Syariah. Hal ini kerana, terdapat lakuna dalam perundangan syariah yang mana dalam perundangan yang sedia ada tidak mempunyai peruntukan yang jelas berkaitan dengan proses pengumpulan keterangan dokumen elektronik dalam kes jenayah dan mal syariah (Mohd Azhan, Hammad & Suhaizad, 2021). Perkara ini secara tidak langsung menyebabkan hakim-hakim di Mahkamah Syariah terpaksa menggunakan ijtihad yang tersendiri dalam membuat suatu keputusan.

Selain itu, dapatan kajian ini turut mendapati bahawa dalam Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007 juga tidak mempunyai perincian yang khusus berkenaan dengan pengumpulan keterangan dokumen digital. Kelompongan ini menyebabkan Arahan ini tidak mempunyai prosedur yang jelas terutama berkaitan dengan pengumpulan keterangan dokumen elektronik seterusnya akan

menyebabkan berlaku ketiadaan kesinambungan rantaian keterangan yang kukuh dalam pembuktian suatu pendakwaan (Mohd Azhan & Ahmad Azam, 2022).

Di samping itu, dapatan kajian juga mendapati bahawa tiada operasi standard yang khusus berkaitan dengan proses pengumpulan keterangan dokumen elektronik. Kelompongan yang dialami oleh Mahkamah Syariah terhadap proses pengumpulan keterangan dokumen elektronik menyebabkan wujudnya ketidakseragaman mengenai cara pengumpulan keterangan dokumen elektronik yang dilakukan oleh hakim-hakim di Mahkamah Syariah, sebagaimana yang dianalisis berdasarkan kes yang dibincangkan di atas (kes Pendakwa Syarie Negeri Selangor v. Khalid Bin Abdul Samad dan kes Hisham Halim Lwn. Maya Ahmad Fuaad) mengenai keperluan untuk mendapatkan pandangan pakar bagi mengesahkan dokumen elektronik.

Seterusnya, kajian ini juga turut membuat analisis terhadap penerimaan keterangan dokumen elektronik di Mahkamah Sivil yang mana dapatan kajian telah menunjukkan undang-undang sivil sebenarnya jauh lebih terkehadapan berbanding dengan penerimaan keterangan elektronik di Mahkamah Syariah. Hal ini demikian kerana, jika melihat kepada Akta Keterangan 1950 dan Akta Jenayah Komputer 1997, definisi dan tafsiran bagi komputer sebagai peranti elektronik jauh lebih luas berbanding dengan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia. Akta Keterangan Malaysia 1950 telah dipinda pada tahun 1993 dengan membenarkan penerimaan bahan bukti yang dikemukakan di mahkamah yang terhasil daripada komputer sebagai dokumen digital, memandangkan dokumen digital digunakan secara meluas dan menjadi bukti utama di mahkamah. Maka kebolehterimaan dokumen digital di mahkamah sewajarnya diperluaskan tafsirannya dalam peruntukan undang-undang syariah selagi mana bukti tersebut relevan, boleh dipercayai dan sahih (Wan Abdul Fatah, Ahmad Syukran, Lukman, Nurul Syazwani & Mohamad Aniq, 2023).

Sebagai kesimpulan, kajian ini mengemukakan beberapa cadangan penyelesaian bagi proses pengumpulan keterangan dokumen elektronik iaitu dengan membentuk satu pengurusan kes yang seragam dan jelas bagi membantu mahkamah dalam menyelesaikan kes sama ada bagi kes mal atau jenayah. Bagi menyokong pengaplikasian pengurusan kes tersebut berserta operasi standard mengenai pengumpulan dokumen elektronik haruslah dimasukkan ke dalam peruntukan undang-undang terutama di bawah Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah. Perkara ini dapat membantu para hakim dalam membuat keputusan dalam suatu permasalahan yang timbul (Mohd Azhan, Ahmad Azam & Fatimah Yusro, 2021).

Seterusnya, definisi dan kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik haruslah diperjelaskan, diperhaluskan dan diperkemaskan penggunaan takrifannya dalam peruntukan perundangan yang sedia ada. Para pakar perundangan, ulama' dan pakar dalam bidang keterangan dokumen elektronik seharusnya mempunyai persepakatan dalam menyeragamkan definisi dan kebolehterimaan keterangan dokumen digital di mahkamah syariah setanding dengan kebolehterimaan dan penggunaan keterangan dokumen digital di peringkat mahkamah sivil. Sekiranya perkara ini dapat dilakukan, maka perkara tersebut dapat membuktikan bahawa terdapat persetujuan di kalangan pakar undang-undang dalam memperluaskan maksud keterangan dokumen digital agar kebolehterimaanya boleh digunakan dalam perbicaraan kes-kes mal dan jenayah Syariah di Malaysia (Mohd Azhan, Ahmad 'Azam & Abu Hassan, 2017).

Penutup

Keterangan dokumen elektronik sebagai salah satu kaedah pembuktian di mahkamah adalah perkara baru yang wujud kesan daripada peredaran zaman yang semakin maju dengan kecanggihan teknologi. Pemakaian keterangan dokumen elektronik dalam pembuktian apa-apa fakta atau keterangan diterima pakai dalam Islam sebagai satu kaedah pembuktian atau sebagai asas pensabitan kes di mahkamah

selagi mana ianya tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh syarak. Pemakaian dokumen elektronik sebagai kaedah pembuktian sememangnya dapat membantu dalam memudahkan percaraan dan penghakiman sesuatu kes. Pemakaian keterangan dokumen elektronik di mahkamah juga jelas diperuntukkan di dalam peruntukan undang-undang di Malaysia antaranya di dalam Akta dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah dan Akta Keterangan 1950. Melalui kes-kes yang dianalisis di bahagian dapatan kajian, jelas menunjukkan keterangan dokumen elektronik diterima pakai sebagai asas pembuktian sama ada bagi kes-kes mal ataupun jenayah selagi mana boleh dibuktikan kerelevanan serta kesahihan keterangan tersebut.

Mahkamah Syariah perlu lebih kehadapan dalam mendapani peningkatan arus pemodenan yang mana semakin hari semakin banyak teknologi-teknologi yang canggih dikeluarkan dan digunapakai oleh masyarakat secara meluas. Mahkamah syariah juga perlu memantapkan lagi pengendalian dokumen-dokumen elektronik yang dikemukakan di mahkamah supaya ketepatan dan keselamatan sesuatu keterangan dokumen elektronik dapat dipastikan kesahihannya sebelum keterangan ini diterima oleh mahkamah. Akhir sekali, pemakaian keterangan dokumen elektronik perlu diperkembangkan serta diperhalusi lebih lagi dari aspek peruntukan dan pengamalannya supaya memberi impak dan lebih banyak kesan positif pada proses penghakiman di mahkamah syariah.

Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan dalam penerbitan artikel ini.

Penghargaan

Artikel ini dibiayai oleh Fakulti Syariah dan Undang-undang, USIM melalui program Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie (DIJAP).

Rujukan

- Abdusalam, S. (2023). Islam and mental health: Bridging spiritual and psychological dimensions. *Islamiyyat Journal*, 27(4): 22-34.
- Al-Quran.
- Akta Keterangan 1950 [Akta 56].
- Bensaid, B. & Machouche, S. (2019). Muslim morality as foundation for social harmony. *Journal of Al-Tamaddun*, 14(2): 51–63. <https://doi.org/10.22452/jat.vol14no2.5>
- Choudhrey, S. (2016). Digital Islamic art: The use of digital technologies in contemporary Islamic art in the UK. *Proceedings of EVA London 2016*: 1–9. <https://doi.org/10.14236/ewic/eva2016.26>
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 1950.
- Hisham Halim lwn. Maya Ahmad Fuaad, [2018] SHRU 15.
- Ibn Taimiyyah, Ahmad. (2001). *Majmu'ah al-Fatawa*. Juzuk 7. Al-Mansurah: Dar al-Wafa', hlm. 234.
- Ibn Qayyim. (1996). *A'lam al-Muaqi'in 'an Rabb al-'Alamin*. Juzuk 1. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, hlm. 71.
- Khalid Bin Abdul Samad, [2019] 3 ShLR 39. *Pendakwa Syarie Negeri Selangor v. Khalid Bin Abdul Samad*. Mahkamah Rendah Syariah (Selangor) | Kes Jenayah.
- Maria Chin Abdullah. (2019). Injustice against Muslim women still exist in the legal system. 5 September 2019. Retrieved from: <http://www.mariachinabdullah.org/injustice-against-muslim-women-still-exist-in-the-legal-system/>
- Mohamed, D. & Ramlee, Z. (2014). Cases of electronic evidence in Malaysia courts: The civil and Syariah perspective. *ICSSR e-Journal of Social Science Research*, 1(2), 1-10. e-ISSN: 2289-

4977.
Muslim (1997), 11:77.
- Rajamanickam, R., Noh, N.I.M., & Harun, A. (2022). Kebolehterimaan keterangan elektronik di Malaysia. (2022) 31 JUUM: 111–125. <https://doi.org/10.17576/juum-2022-31-09>
- Sa'di, M.M. & Kamarudin, A.R. (2020). The authenticity of electronic document in Islamic law and Malaysian law of evidence. Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelidikan Pengurusan Hal Ehwal Islam Di Malaysia.
- Shariff, A.A.M. (2002). Prinsip rantaian jagaan dan rantaian keterangan: Keperluan kepada pengiktirafan dan pengaplikasian dalam kes Syariah di Malaysia, hal. 19.
- SM Faisal SM Nasimuddin lwn. Maria Chin Abdullah, [2023] 7 MLJ 485.
- Sobri, I. S. (2009). Al-Yamin fii al-Qadha' al-Islamiyy. Amman: Dar al-Nafaes.
- Volonino, L. (2003). Electronic evidence and computer forensics. Communications of the Association for Information Systems, Volume 12, 2003.
- Wan Ismail, W.A.F. (2016). Penerimaan dan kekuatan dokumen elektronik dalam pembuktian di Mahkamah Syariah di Malaysia. Universiti Sains Islam Malaysia: Fakulti Syariah dan Undang-Undang.
- Wan Ismail, W.A.F., Baharuddin, A.S., Abdul Mutalib, L., Kahar, N.S.A. & Alias, M.A.A. (2023). Keperluan prosedur operasi standard dalam penerimaan dokumen digital di Mahkamah Sivil Malaysia. Journal of Legal Studies, hal. 372-373.
- Wan Ismail, W.A.F., Abdul Shukor, S., Hashim, H. & Baharuddin, A.S. (2018). Pembuktian melalui televisyen/kamera litar tertutup (CCTV) dalam kes-kes jenayah: Tinjauan umum berdasarkan undang-undang keterangan Islam. MJSL, 6(1).
- Yahya, M.A. (2020). Pengemukakan dokumen elektronik sebagai keterangan dalam perbicaraan Mahkamah Syariah. (2020) 27 JUUM: 55-63. <https://doi.org/10.17576/juum-2020-27-06>
- Yahya, M.A. (2021). Kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik di Mahkamah Syariah: Analisis permasalahan dan penyelesaiannya. International Conference on Syariah & Law (ICONSYAL 2021), 6 April 2021.
- Yahya, M.A., Dahalan, H.M. & Saifuddin, S. (2021). Analisis proses pengumpulan keterangan dokumen elektronik dalam kes jenayah Syariah. Islamiyat, 17-28.
- Yahya, M.A., Shariff, A.A.M., Abdullah, M.A.H. (2017). Keterangan dokumen dalam bentuk digital di Mahkamah Syariah: Analisis berkaitan definisi serta kebolehterimaannya di sisi prinsip Syariah di Malaysia. Retrieved from: <http://journalarticle.ukm.my/13353/>
- Yahya, M.A., Shariff, A.A.M., & Hashim, F.Y. (2021). Keterangan dokumen elektronik: Proses pengumpulannya di peringkat pra perbicaraan dalam kes mal Syariah di Malaysia. Journal of Law and Society (JUUM), 67-77.
- Yahya, M.A., Shariff, A.A.M., Rashid, A.M. & Hashim, F.Y. (2020). Pengemukakan dokumen elektronik sebagai keterangan dalam perbicaraan Mahkamah Syariah. (2020) 27 JUUM: 55–63. <https://doi.org/10.17576/juum-2020-27-06>
- Yahya, M.A. & Shariff, A.A.M. (2022). Memperkasakan prinsip Syariah dalam pengumpulan keterangan dokumen digital dalam kes jenayah Syariah. 6th Muzakarah Fiqh & International Conference 2022, hal. 30.